



**BUKU GARIS PANDUAN  
KAJIAN TINDAKAN PENDIDIKAN  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**DISEDIAKAN OLEH :  
JAWATANKUASA KAJIAN TINDAKAN  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM.**

**Kandungan**

Bil.	Perkara	Muka Surat
	Prakata Ketua Penolong Pengarah BPI, JAIS.	3
1.	Pendahuluan	4
2.	Falsafah Pendidikan Islam JAIS.	4
3.	VISI	5
4.	MISI	5
5.	MOTTO	5
6.	Rasional Kajian Tindakan	5
7.	Matlamat Garis Panduan Kajian Tindakan	6
8.	Objektif Garis Panduan Kajian Tindakan	6
9.	Pelaksanaan Program Kajian Tindakan	6-7
10.	Mekanisme Pelaksanaan Kajian Tindakan	7-9
11.	Carta Alir Kajian Tindakan	10
12.	Senarai Ahli Jawatankuasa	11-14
13.	Skop Pelaksanaan Kajian Tindakan 13.1 Kurikulum 13.2 Pentadbiran 13.3 Hal Ehwal Murid 13.4 Ko Kurikulum	14-15
14.	Format Penulisan Proposal Dan Laporan Kajian Tindakan 14.1 Format Penulisan Proposal 14.2 Format penulisan Laporan	16-22
15.	Penilaian 15.1 Format Penilaian 15.2 Jawatankuasa Penilai 15.3 Kriteria Penilaian	23-27
16.	Insentif 16.1 Peringkat daerah 16.2 Peringkat negeri	28
17.	Senarai Semak Pelaksanaan Kajian Tindakan	29
18.	Justifikasi	30
19.	Bibliografi	31
20.	Panel Penulis	32

## **Prakata Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Islam**

Menjadi harapan Bahagian Pendidikan Islam JAIS untuk mentransformasikan pendidikan ke arah Menjana Generasi Al Quran Melalui Sistem Pendidikan Islam JAIS. Seluruh warga pendidik wajar memahami hasrat dan kehendak Sistem Pendidikan JAIS yang telah ditetapkan agar agenda pendidikan hari ini mampu memacu ke arah kecemerlangan.

Usaha mencapai kecemerlangan adalah suatu yang mudah sekiranya semua warga pendidik memiliki kompetensi profesional dalam merencana dan melaksanakan agenda pendidikan, Sewajarnya semua warga guru dan warga pengurusan pendidikan memiliki kompetensi yang tinggi dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran mengurus tadbir pendidikan dan institusi masing-masing dengan kreatif dan inovatif. Amalan nilai ini adalah saling berkait dan bersepadu yang menggambarkan keperluan utama dalam mencapai agenda plan pembangunan pendidikan JAIS.

Kajian Tindakan adalah merupakan asas penyelidikan saintifik untuk pembangunan pendidikan khususnya dalam usaha meningkatkan prestasi dengan merangsang dan menggalakkan pembelajaran terutama murid yang lemah agar lebih mudah dan cepat menguasai sesuatu kemahiran atau pembelajaran seterusnya dapat mengekalkan kemahiran tersebut serta mengaplikasikan dengan kemahiran pembelajaran lain. Budaya guru-guru melaksanakan Kajian Tindakan bukan sekadar mengubah amalan pengajaran lama malah menambah baik dengan mencipta suatu kaedah, cara dan inovasi mentransformasi pendidikan yang lebih berkesan dan relevan.

Garis Panduan Kajian Tindakan yang dihasilkan oleh kumpulan panel yang dilantik merupakan panduan kepada para pendidik dalam melaksanakan Kajian Tindakan dan seterusnya membudayakan Kajian Tindakan di semua sekolah.

HJ. MOHAMAD AMIR BIN HJ. DANURI S.I.S.,A.M.N., P.P.T.

Ketua Penolong Pengarah  
Pendidikan Islam  
Jabatan Agama Islam Selangor.

Tarikh :

## 1. PENDAHULUAN

Sejak tahun 2005 hingga sekarang, Unit Latihan, Kualiti dan Penyelidikan (ULKP) telah mengurus bagi program membudayakan penyelidikan melalui Kajian Tindakan dalam kalangan guru. Di samping sebagai penggerak utama projek pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Unit Pendidikan Islam (UPI) di semua daerah adalah bertanggungjawab dalam merealisasikan matlamat memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan guru sekolah.

Bermula tahun 2015, Unit Latihan dan Penyelidikan telah menyusun struktur program Kajian Tindakan agar lebih efisien dengan melantik dua orang Fasilitator Kajian Tindakan bagi setiap daerah. Penyelia Pengurusan Daerah selaku Penyelaras Kajian Tindakan bersama Penolong Pegawai Tadbir Agama bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek pemupukan budaya penyelidikan serta menyelaras dan memantau pelaksanaannya di sekolah-sekolah di setiap daerah. Di samping itu, Pembantu Penyelidik Kajian Tindakan telah dilantik di setiap Daerah. Jumlah Pembantu Penyelidik adalah mengikut keperluan berdasarkan jumlah sekolah di setiap daerah.

Seminar Kajian Tindakan yang diadakan setiap tahun mulai 2005 merupakan saluran khas bagi penyebaran hasil Kajian Tindakan. Seminar tersebut berkonsepkan pertandingan. Bermula tahun 2012 seminar tidak berkonsepkan pertandingan tetapi lebih berkonsepkan perkongsian ilmu. Para guru diberi peluang untuk membentangkan laporan Kajian Tindakan dan berkongsi pendapat dengan guru-guru lain yang terlibat dalam rangkaian Kajian Tindakan yang telah ditubuhkan di setiap daerah. Bermula tahun 2015 Seminar Kajian Tindakan akan diadakan dua tahun sekali.

## 2. FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM JAIS

Falsafah Pendidikan Islam JAIS menyatakan “ Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan bersepadu berlandaskan Wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat ”

### 3. **VISI**

“ Terbaik, bertaraf dunia dan diredhai Allah SWT ” sepanjang masa.

### 4. **MISI**

“ Mengurus Hal Ehwal Pendidikan Islam dengan ikhlas, amanah, hikmah, ukhuwwah dan berkesan ”

### 5. **MOTTO**

“ Cepak, Cepat dan Berkualiti ”

### 6. **RASIONAL KAJIAN TINDAKAN**

Secara umum Kajian Tindakan adalah penyelidikan yang berbentuk renungan sendiri dan melibatkan penyelidik sendiri mengkaji amalan lazim yang dilakukan di dalam bidang tugas mereka.

Secara khusus Kajian Tindakan merupakan suatu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri, yang dilakukan oleh peserta dalam situasi sosial guru itu sendiri sebagai penyelidik melalui tindakan praktis (intervensi) mereka sendiri yang bertujuan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalan masing-masing di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan.

Rasional untuk melibatkan guru sebagai penyelidik adalah untuk mengembangkan kemahiran menyiasat pengajaran diri sendiri di samping memupuk keinginan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran serta keadaan bekerja guru dan murid. Dengan cara ini guru boleh membuat pilihan bagi amalan pendidikan yang lebih baik. Transformasi Pendidikan melalui pembudayaan Kajian Tindakan yang dilakukan oleh guru di dalam kelas pada mata pelajaran masing-masing dapat menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran guru lebih berkesan dan berkualiti.

Proses Kajian Tindakan tidak memerlukan masa yang lama, jika diamalkan oleh sekolah dan guru akan menghasilkan pelbagai manfaat dalam bidang pendidikan. Antaranya adalah seperti berikut :

- I. Anjakan paradigma sekolah dan guru
- II. Mengutamakan pendekatan pendemokrasian
- III. Memberi *empowerment* kepada guru untuk dinamisme PdP
- IV. Membolehkan guru mengurangkan jurang antara amalan dan visi
- V. Menggalakkan guru mereflek amalan
- VI. Menggalakkan proses mencuba idea baru
- VII. Menggalakkan inovasi dalam kalangan guru
- VIII. Memantau kemajuan pelajar
- IX. Mengatasi masalah-masalah semasa guru dan sekolah

### 7. **MATLAMAT GARIS PANDUAN KAJIAN TINDAKAN**

Manual Kajian Tindakan ini bertujuan menjadi panduan asas pendidik / guru-guru di Jabatan Agama Islam Selangor untuk melaksanakan Kajian Tindakan dan membantu Fasilitator dan Pembantu Penyelidik untuk memberi bimbingan kepada guru-guru dalam melaksanakan Kajian Tindakan. Manual ini bertujuan untuk memberi penjelasan yang lebih mudah serta menarik minat guru-guru untuk melaksanakan Kajian Tindakan.

## 8. OBJEKTIF GARIS PANDUAN KAJIAN TINDAKAN

Antara objektif Garis Panduan Kajian Tindakan ini adalah untuk ;

- I. Membimbing rakan pendidik atau individu yang berminat untuk melaksanakan Kajian Tindakan di dalam bilik darjah / sekolah bagi memantapkan keberkesanan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pengurusan dan Pentadbiran (P&T), Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.
- II. Melahirkan lebih ramai pendidik sebagai penyelidik Kajian Tindakan dan seterusnya berupaya menjadi Fasilitator dan Pembantu Penyelidik Kajian Tindakan.
- III. Menjadi panduan asas guru-guru yang akan melaksanakan Kajian Tindakan.

## 9. PELAKSANAAN PROGRAM KAJIAN TINDAKAN

9.1 Pelaksanaan program Kajian Tindakan dilaksanakan sepanjang sesi persekolahan.

Pelaksanaan ini akan memberi ruang dan peluang kepada guru untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan penyampaian kandungan ilmu melalui sesi-sesi kajian pre, pos, dan analisis data . Seterusnya, menyediakan ruang-ruang kepada guru-guru untuk;

- I. mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh guru dalam proses perancangan dan membuat keputusan;
- II. mencari dan menilai alternatif bagi menangani masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi;
- III. menghasilkan bahan sumber pengajaran dan berinovasi dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.
- IV. melahirkan guru JAIS sebagai pendidik dan penyelidik dalam usaha meningkatkan status profesionalisme guru;
- V. memastikan guru-guru mengalami perkembangan profesionalisme yang sesuai dengan meningkatkan amalan seorang pendidik melalui amalan refleksi sendiri dan kajian penambahbaikan berterusan;
- VI. menyediakan platform kepada guru untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran.

9.2 Pelaksanaan kajian adalah mencari apa yang sebenarnya berlaku di sebalik kejayaan seorang pendidik.

9.3 Melalui program ini, guru dapat membina pengetahuan dan kefahaman tentang situasi kerja melalui refleksi, inkuiri dan tindakan.

9.4 Pelaksanaan program Kajian Tindakan akan meliputi beberapa peringkat;

1. Peringkat perancangan
2. Peringkat tindakan
3. Peringkat 'post mortem'

9.4.1 **Peringkat perancangan** merupakan peringkat penubuhan sekretariat untuk menyelaras dan melaksanakan program di peringkat daerah dengan dikawal selia oleh Unit Latihan dan Penyelidikan BPI JAIS. Sekretariat adalah meliputi kerjasama Unit Pendidikan Islam di Pejabat Agama Islam daerah, Pusat Latihan Pendidikan Islam Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) dan diurus setiakan oleh Seksyen Penyelidikan BPI JAIS.

Fungsi dan peranan sekretariat adalah untuk menyediakan perancangan tindakan program tahunan di peringkat negeri dan daerah serta menyelaras tindakan-tindakan program di peringkat sekolah. Sekretariat juga menyediakan kertas cadangan dan dasar pelaksanaan program untuk dibentangkan kepada Ahli Mesyuarat Pengurusan Pendidikan bagi tempoh kajian semula yang ditetapkan.

9.4.2 **Peringkat tindakan** adalah meliputi perkara-perkara berikut;

- i. Proses promosi dan informasi program
- ii. Proses pemilihan tajuk untuk tujuan kejelasan dan berfokus
- iii. Proses bimbingan oleh pihak sekretariat kepada kumpulan pengkaji yang menyertai program
- iv. Proses lanjutan meliputi pembentangan-pembentangan peringkat seterusnya seperti penyertaan inovasi dan kumpulan kreatif;
- v. Proses-proses lain yang difikirkan perlu diambil tindakan.

9.4.3 **Peringkat 'post mortem'** adalah peringkat pihak sekretariat membuat cadangan penambahbaikan sebelum, semasa dan selepas program dilaksanakan. Peringkat ini juga turut melibatkan semakan semula program untuk kesesuaian profesionalisme guru dan kemenjadian murid dalam akademik dan sahsiah.

## 10. MEKANISME PELAKSANAAN KAJIAN TINDAKAN

### 10.1 PENYERTAAN

- i. Sekolah-sekolah Agama Negeri Selangor adalah terlibat dengan program ini.
- ii. Pengetua / Guru Besar / Ketua Guru hendaklah menubuhkan pasukan/kumpulan Kajian Tindakan peringkat sekolah yang terdiri daripada guru-guru yang diselaraskan aktiviti mereka di bawah tanggungjawab Guru Penolong Kanan 1.
- iii. Bilangan pembentang seramai 1 hingga 3 orang sahaja.
- iv. Peserta terdiri daripada guru-guru di sekolah yang sama sahaja.
- v. Tiada had bilangan kumpulan di peringkat daerah tetapi pihak penyelaras daerah boleh menyediakan kumpulan-kumpulan kajian bagi tujuan-tujuan umum dan khas.
  - Tujuan umum adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti pembentangan dan perkongsian idea/ilmu yang dianjurkan oleh pihak jabatan.

- Tujuan khas adalah merujuk kepada penyertaan dalam aktiviti anjuran luar jabatan yang memerlukan pasukan/kumpulan tertentu mewakili jabatan atau berasaskan kepentingan jabatan.

## 10.2 TAJUK KAJIAN

- Tajuk kajian hendaklah relevan dengan amalan Kurikulum, Pentadbiran, Hal Ehwal Murid (HEM) dan Ko Kurikulum.
- Kajian Tindakan **MESTI** mengandungi ciri-ciri Intervensi <sup>1</sup> , Penglibatan dan Penambahbaikan yang merupakan ciri-ciri Kajian Tindakan.
- Hasil kajian berasaskan penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) adalah digalakkan.

## 10.3 TEMPOH / LIMITASI MASA

- BPI.JAIS menetapkan tempoh pelaksanaan kajian Tindakan adalah berdasarkan takwim semasa yang dikeluarkan.
- Tertakluk kepada masa pelaksanaan program.
- Tempoh masa pelaksanaan juga tertakluk pada penetapan tarikh Seminar Kajian Tindakan atau yang seumpama dengannya.

## 10.4 KANDUNGAN KAJIAN

10.4.1 Kajian Tindakan hendaklah bersifat praktikal<sup>2</sup>, partisipatif<sup>3</sup>, kolaboratif, emansipatori<sup>4</sup>,interpretif<sup>5</sup> dan kritikal.

10.4.2 Kajian Tindakan memeriksa masalah yang difikirkan penting untuk diselesaikan oleh pengamal (guru) dan merupakan masalah yang boleh diselesaikan.

10.4.3 Langkah-langkah menyediakan laporan bertulis Kajian Tindakan;

- Langkah 1 – Fokus kajian
- Langkah 2 – Soalan kajian dan Objektif kajian
- Langkah 3 – Sorotan literature
- Langkah 4 – Pengumpulan data –instrumen yang digunakan
- Langkah 5 – Menganalisis dan menginterpretasi data
- Langkah 6 – Merancang tindakan
- Langkah 7 – Menjalankan tindakan
- Langkah 8 – Memantau dan menilai Tindakan

---

<sup>1</sup> Bermaksud kajian tindakan melibatkan sesuatu bentuk tindakan kepada proses pengajaran atau organisasi dengan hasrat hendak mengubah proses itu menjadi lebih baik.

<sup>2</sup> Dapatan serta pengetahuan bukan berkepentingan teoretikal tetapi peningkatan yang praktikal semasa dan selepas proses penyelidikan.

<sup>3</sup> Penyelidik terlibat secara lansung bersama dengan subjek

<sup>4</sup> pendekatan bukan berhirarki tetapi penglibatan sama rata

<sup>5</sup> bergantung pada pandangan dan interpretasi



10.4.4 Sebarang rujukan berkaitan penulisan dan penyediaan laporan Kajian Tindakan boleh dirujuk;

- i. Buku bertajuk 'Kajian Tindakan dalam Pendidikan' oleh Prof. Dr. Othman Bin Lebar (2011) UPSI Tg. Malim.
- ii. Buku bertajuk 'Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan' oleh Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusoff Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007), PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- iii. Buku bertajuk ' Guru sebagai Penyelidik' oleh Abdul Rahman Abdul Majid Khan (2008), PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- iv. Buku Manual Kajian Tindakan edisi ketiga terbitan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2008)
- v. Nota-nota kursus Kajian Tindakan (2002-2004) Sekolah Pendidikan Islam , Institut Latihan & Dakwah Selangor.
- vi. Nota-nota taklimat Program Kajian Tindakan (2010-2012) Bahagian Pendidikan Islam JAIS.


## 10.5 ANALISIS DATA STATISTIK

10.5.1 Sebarang bentuk analisis menggunakan Stastical Package for the Social Science (SPSS) atau pengiraan manual adalah dibenarkan dengan syarat dapat dibuktikan kesahannya.

10.5.2 Penggunaan media analisis hendaklah dijelaskan dalam perancangan Kajian Tindakan

10.5.3 Jenis data (kuantitatif/ kualitatif) hendaklah dipastikan dominan kepada kajian .

## 11. CARTA ALIR PELAKSANAAN KAJIAN TINDAKAN



## 12. SENARAI JAWATANKUASA

Pelaksanaan program akan mewujudkan beberapa Jawatankuasa Kajian Tindakan :

### 12.1 Jawatankuasa Pelaksana Seminar Kajian Tindakan Peringkat Negeri

Jawatankuasa ini berperanan menyediakan dasar dan perancangan kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Pendidikan berkaitan program dan seterusnya menyelaraskan, melaksanakan dan menyelia program yang dilaksanakan.

Bil.	Jawatankuasa	Tugas
1.	Penasihat	Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Islam) BPI. JAIS.
2.	Pengerusi	Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan
3.	Setiausaha	Pen. Pengarah Kanan Unit Latihan & Penyelidikan
4.	Naib Setiausaha	Penyelia Kanan Unit Latihan & Penyelidikan
5.	Ahli Jawatankuasa	Ketua Pusat Latihan Pendidikan Islam (ILDAS) Penolong Pengarah Kanan Unit Kurikulum Pen. Pegawai Tadbir Agama Daerah Penyelia Kanan Kurikulum BPI JAIS Penyelia Kanan Ko Kurikulum BPI JAIS Penyelia Pengurusan Pendidikan Daerah (PAID) Penyelaras Pusat Latihan Pendidikan Islam (ILDAS) Fasilitator Kajian Tindakan Daerah Urus setia Unit Latihan & Penyelidikan BPI JAIS

### Senarai Tugas Ahli Jawatankuasa Seminar Kajian Tindakan Negeri

1. Menentukan tarikh, tentatif dan tempat seminar Kajian Tindakan peringkat negeri.
2. Menyediakan kelengkapan seminar Kajian Tindakan negeri seperti peralatan, penginapan, makan minum peserta dan urus setia Kajian Tindakan.
3. Memastikan laporan Kajian Tindakan peserta yang akan dibentangkan dapat dikumpulkan dan disediakan dalam bentuk "powerpoint" dan "hard copy" untuk rujukan penilai pembentangan Kajian Tindakan peringkat negeri.
4. Menyediakan sijil penghargaan dan insentif kepada peserta Kajian Tindakan.
5. Menyediakan cenderahati dan sijil penghargaan kepada panel penilai.
6. Menguruskan majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada pembentang Kajian Tindakan yang berjaya.
7. Mencadangkan nama peserta yang mempunyai bahan dan laporan Kajian Tindakan terbaik negeri dibawa ke Anugerah Inovasi Guru sempena Sambutan Hari Guru Negeri dan pertandingan anugerah inovasi mewakili JAIS ke peringkat pertandingan inovasi peringkat negeri Selangor Darul Ehsan.

### 12.2 Jawatankuasa Pelaksana Kajian Tindakan Daerah

Jawatankuasa Penyelaras daerah adalah berperanan melaksanakan program di peringkat daerah dengan mengadakan program informasi dan bimbingan di samping memastikan setiap sekolah melaksanakan program secara berterusan.

Bil.	Jawatankuasa	Tugas
1.	Penasihat	Pegawai Tadbir Agama Daerah
2.	Pengerusi	Penolong Pegawai Tadbir Agama Daerah
3.	Setiusaha	Penyelia Pengurusan Pendidikan
4.	Ahli Jawatankuasa	Penyelia Akademik
		Penyelia Naziran
		Penyelia KAFAI
		Fasilitator Kajian Tindakan Daerah
		Pengerusi Majlis Guru Besar
		Pengerusi Majlis Guru Besar KAFAI
		Guru Besar Prasekolah
		Penyelaras Pusat Kegiatan Guru
		Pengetua Maahad Tahfiz

### Senarai Tugas Ahli Jawatankuasa pelaksana Kajian Tindakan Daerah

1. Memberi taklimat maklumat pelaksanaan Kajian Tindakan mengikut manual versi JAIS yang telah ditetapkan oleh Urus setia Kajian Tindakan negeri.
2. Memberi bimbingan kepada sekolah yang memerlukan bantuan dalam penyediaan laporan Kajian Tindakan.
3. Melaksanakan seminar Kajian Tindakan peringkat daerah dan menentukan sekolah yang akan mewakili daerah setelah dibuat penilaian dari segi laporan dan pembentangan.
4. Memastikan pelaksanaan Kajian Tindakan dilaksanakan di peringkat sekolah sekurang-kurangnya satu sekolah satu kajian.
5. Menyediakan laporan dan melaporkan pelaksanaan Kajian Tindakan peringkat daerah kepada urus setia peringkat negeri.

### 12.3 Jawatankuasa Pelaksana Kajian Tindakan Peringkat Sekolah

Jawatankuasa Penyelaras Sekolah adalah berperanan melaksanakan program di peringkat sekolah dengan mengadakan program informasi dan bimbingan disamping memastikan Kajian Tindakan di sekolah dilaksanakan secara berterusan.

Bil.	Jawatankuasa	Tugas
1.	Penasihat	Guru Besar/Fasilitator
2.	Pengerusi	Guru Penolong Kanan 1
3.	Penyelaras	Setiusaha Perkembangan Staf

4.	Ahli Jawatankuasa	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Guru Penolong Kanan Kokurikulum Penyelia Pagi/Petang Guru-Guru
----	-------------------	---

### Senarai Tugas Ahli Jawatankuasa Pelaksana Kajian Tindakan Sekolah

1. Memberi taklimat maklumat pelaksanaan Kajian Tindakan mengikut manual versi JAIS yang telah ditetapkan oleh Urus setia Kajian Tindakan negeri kepada peserta Kajian Tindakan sekolah.
2. Memberi bimbingan kepada peserta sekolah yang memerlukan bantuan dalam penyediaan laporan Kajian Tindakan.
3. Melaksanakan seminar Kajian Tindakan peringkat sekolah dan menentukan peserta yang akan mewakili daerah setelah dibuat penilaian dari segi laporan dan pembentangan.
4. Memastikan pelaksanaan Kajian Tindakan dilaksanakan di peringkat sekolah sekurang-kurangnya satu sekolah satu kajian.
5. Menyediakan laporan dan melaporkan pelaksanaan Kajian Tindakan peringkat sekolah kepada Urus setia peringkat daerah.

#### 12.4 Jawatankuasa Prosiding Kajian Tindakan ( Negeri )

Bil.	Jawatankuasa	Tugas
1.	Penasihat	Ketua Penolong Pengarah BPI
2.	Pengerusi	Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan
3.	Setiausaha	Penolong Pengarah Kanan Unit Latihan & Penyelidikan
4.	Ahli Jawatan kuasa	Ketua Sektor Akademik Ketua Sektor Naziran. Penolong Pengarah Kanan Unit Kurikulum Penolong Pengarah Kanan Unit Kualiti Naziran. Penolong Pengarah Kanan Unit KAFAI. Penolong Pegawai Tadbir Agama Daerah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Klang</li> <li>• Kuala Selangor</li> <li>• Hulu Selangor</li> </ul> Ketua Pusat Latihan Pendidikan ILDAS Penyelia Kanan Unit Latihan & Penyelidikan Penyelia Pengurusan Pendidikan Daerah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hulu Langat</li> <li>• Sabak Bernam</li> <li>• Petaling</li> <li>• Kuala Langat</li> </ul> Fasilitator <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gombak</li> <li>• Sepang</li> </ul>

### **Senarai Tugas Ahli Jawatankuasa Prosiding (Negeri)**

1. Mengumpul dan mendokumentasikan laporan Kajian Tindakan (kertas kerja) yang telah lengkap mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa sebelum Seminar Kajian Tindakan dilaksanakan.
2. Menerbit dan mencetak laporan Kajian Tindakan yang telah lengkap dengan bantuan ILDAS untuk edaran peserta dan sekolah.
3. Menyediakan arkib simpanan laporan Kajian Tindakan untuk rujukan para pengkaji yang baru bagi laporan Kajian Tindakan yang telah dibentangkan dalam seminar.

## **13 SKOP PELAKSANAAN KAJIAN TINDAKAN**

Peserta Kajian Tindakan adalah terdiri daripada wakil-wakil Prasekolah JAIS, SRA, SRAI, KAFA Integrasi dan juga Maahad Integrasi Tahfiz Sains seluruh negeri Selangor yang dilaksanakan mengikut daerah masing-masing. Satu pembaharuan dimana pihak Unit Pendidikan Islam ( UPI ) Daerah dan juga Bahagian Pendidikan Islam ( BPI ) JAIS juga dilibatkan di dalam Kajian Tindakan ini mulai tahun 2014. Untuk memperkasakan lagi Kajian Tindakan di mata dunia, skop asal kajian yang hanya mencakupi aspek PdP sahaja mulai tahun 2004 hingga 2013, dicadangkan agar skop tersebut diperluaskan seperti mana pecahan graf di bawah;

Berdasarkan keperluan semasa, skop Kajian Tindakan BPI diperluaskan kepada:

### **13.1 Kurikulum ( 60 % )**

- 13.1.1 Pengajaran dan Pembelajaran ( PdP)
- 13.1.2 Bahan Sumber Pengajaran (BSP)
- 13.1.3 Jadual Waktu
- 13.1.4 Pusat Sumber
- 13.1.5 Pencerapan
- 13.1.6 Peperiksaan
- 13.1.7 Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA)
- 13.1.8 Kawalan Kelas
- 13.1.9 Semakan Buku Latihan

### **13.2 Pentadbiran ( 10% )**

- 13.2.1. Perkembangan Staff
- 13.2.2. Perfailan
- 13.2.3. Kewangan
- 13.2.4. Komuniti
  - Persatuan Ibu Bapa dan Guru
  - Badan Bukan Kerajaan

### **13.3 Hal Ehwal Murid – HEM ( 20% )**

- 13.3.1. Kebajikan
- 13.3.2. Keselamatan
- 13.3.3. Disiplin
- 13.3.4. Keceriaan

- 13.3.5. Kantin
- 13.3.6. Pengawas
- 13.3.7. Skim Pinjaman Buku Teks
- 13.3.8. Bimbingan
- 13.3.9. Lawatan Sambil Belajar
- 13.3.10. Majlis / Hari kebesaran Islam
- 13.3.11. Majlis / Hari Perayaan Rasmi
- 13.3.12. Majlis / Hari Kecemerlangan
- 13.3.13. Asrama

#### 13.4 Kokurikulum ( 10% )

- 14.4.1. Kemahiran Amal Islami (KAMIL)
- 14.4.2. Mukhyyam
- 14.4.3. Sukan
- 14.4.4. Bimbingan Ibadah ( Selepas Peperiksaan )
- 14.4.5. Kelab
- 14.4.6. Persatuan
- 14.4.7. Badan Beruniform

Dicadangkan agar pihak Unit Pendidikan Islam Daerah memberikan taklimat khas pada setiap tahun kepada setiap sekolah di daerah masing-masing dengan mengadakan cabutan undi bagi menentukan skop kajian sekolah berdasarkan pecahan peratus yang telah ditetapkan di atas.

Mulai tahun 2014 juga, pihak Urus setia Kajian Tindakan Negeri telah menetapkan supaya pihak Unit Pendidikan Islam Daerah dan juga Bahagian Pendidikan Islam JAIS turut serta di dalam Program Kajian Tindakan. Namun, untuk UPI dan BPI skop hanya tertumpu kepada Pentadbiran sahaja. Sekurang-kurangnya ada satu wakil UPI dan satu wakil BPI dalam Seminar Kajian Tindakan Negeri.

## 14. FORMAT PENULISAN PROPOSAL DAN LAPORAN KAJIAN TINDAKAN

### 14.1 FORMAT PENULISAN PROPOSAL KAJIAN TINDAKAN

(Pengajaran Dan Pembelajaran )

( *Bertaip, Times New Romans /Arial, Font 12,1.5 spacing, tidak perlu binding* )

**# sekurang-kurang 2 helai sahaja.**

BAHAGIAN	PROSES / PENJELASAN
1. Tajuk Kajian	a. Tajuk ditentukan dengan mengenal pasti isu / masalah / kemahiran yang ingin dikaji. b. Tajuk hendaklah ringkas, mengandungi hala tuju, tindakan dan sasaran kajian.
2. Nama penyelidik	Catatkan nama penuh penyelidik / ahli kumpulan
3. Nama Sekolah	Catatkan nama sekolah berserta alamat
4. Refleksi	Secara ringkas menghuraikan :

	<p>a. Masalah/isu keprihatinan dikenal pasti dengan melihat empat perkara utama iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru</li> <li>• Murid</li> <li>• Isi kandungan pelajaran</li> <li>• Persekitaran</li> </ul> <p>b. Refleksi pengalaman lepas</p> <p>c. Kaitkan pengalaman lepas dengan empat perkara utama tersebut supaya masalah menjadi lebih jelas.</p> <p>d. Rujuk bahan yang berkaitan seperti buku latihan, ujian, keputusan peperiksaan, sukatan pelajaran dan bahan-bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidik mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan/ berlaku.</p> <p>e. Terjemahkan refleksi secara bertulis.</p>
5. Isu Keprihatinan/ Fokus Kajian	<p>a. Rumuskan masalah yang dikenal pasti daripada refleksi PdP yang lalu</p> <p>b. Nyatakan cadangan bagi mengatasi isu/ masalah yang dikaji</p>
6. Objektif Kajian	<p>a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus.</p> <p>b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah.</p> <p>c. Objektif hendaklah berkaitan dengan tindakan/aktiviti (PdP).</p> <p>d. Objektif hendaklah boleh diukur.</p> <p>e. Semua objektif khas hendaklah diukur/ nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.</p>
7. Kumpulan Sasaran	Sebutkan bilangan dan kelas murid yang akan dikaji
8. Tindakan yang dicadangkan	Nyatakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.
9. Jadual Pelaksanaan Kajian	<p>a. Boleh dibuat dalam bentuk jadual/ carta Gant.</p> <p>b. Masukkan aktiviti yang dirancang bagi menjalankan kajian.</p> <p>c. Masukkan tarikh tentatif kajian akan dijalankan. Tarikh mungkin berubah mengikut keperluan/ keadaan semasa</p>
10. Kos kajian	a. kos yang diperlukan dan digunakan untuk tujuan kajian
11. Pengesahan	<p>a. Disediakan oleh : ( penyelidik)</p> <p>b. Disemak oleh : Guru Penolong Kanan Kurikulum</p> <p>c. Disahkan oleh : Pengetua/Guru Besar / Ketua Guru</p>



#### 14.2 FORMAT PENULISAN LAPORAN YANG STANDARD

( Pengajaran Dan Pembelajaran )

( *Bertaip, Times New Romans /Arial, Font 12,1.5 spacing, perlu binding* )

BIL	BAHAGIAN	CATATAN
1.	Tajuk Kajian	mengandungi : 1. Kaedah / modul / bahan 2. Kemahiran 3. Kumpulan Sasaran 4. Lokasi
2.	Halaman Kandungan	Nyatakan : 1. Bilangan 2. Perkara 3. Muka Surat
3.	Penghargaan	Nyatakan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam kajian yang dijalankan.
4.	Abstrak	Tulis Masalah, Objektif, Sasaran, Kaedah, Hasil Kajian secara ringkas : tidak lebih satu muka surat, Font 12, Times New Roman, 1.5 spacing, penulisan dalam satu perenggan.
5.	Latar Belakang kajian / Refleksi yang lalu	Memperincikan : a. Pengenalan b. Masalah/isu keprihatinan dikenal pasti dengan melihat empat perkara utama dalam iaitu; • Guru • Murid • Isi kandungan pelajaran • Persekitaran c. Refleksi pengalaman lepas d. Kaitkan pengalaman lepas dengan empat perkara utama tersebut supaya masalah menjadi lebih jelas. e. Rujuk bahan yang berkaitan seperti buku latihan, ujian, keputusan peperiksaan, sukatan pelajaran dan bahan-bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidik mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan/ berlaku. f. Tujuan kajian. g. Terjemahkan refleksi secara bertulis.
6.	Isu Keprihatinan /Fokus Kajian	Memperincikan : a. Rumuskan masalah yang dikenal pasti daripada refleksi PdP yang lalu b. Nyatakan cadangan bagi mengatasi isu/ masalah yang dikaji
7.	Objektif Kajian	a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan

		<p>objektif khusus.</p> <p>b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah.</p> <p>c. Objektif hendaklah berkaitan dengan tindakan/aktiviti (PdP).</p> <p>d. Objektif hendaklah boleh diukur.</p> <p>e. Semua objektif khusus hendaklah diukur/ nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.</p>
8.	Kumpulan Sasaran	Jelaskan bilangan dan kelas murid yang akan dikaji
9.	Pelaksanaan KajianTinjauan masalah <ul style="list-style-type: none"> <li>•Pemerhatian &amp; Analisis</li> <li>•Temubual &amp; Analisis</li> <li>•Soalselidik &amp; Analisis</li> <li>• Ujian Pra &amp; Analisis</li> </ul> Sekurang-kurangnya 1	Analisis menggunakan kekerapan dan peratus samaada dalam bentuk esei ,jadual atau graf.
10.	Kaedah / Modul / Bahan yang dilaksanakan	<p>a. Jelaskan secara terperinci berkaitan satu kaedah / modul / bahan yang telah dilaksanakan.</p> <p>b. Tuliskan semua aktiviti, bahan-bahan dan cara anda membuat pemerhatian untuk menguji keberkesanan tindakan/aktiviti yang anda telah jalankan ke arah meningkatkan kemahiran pelajar bagi menangani masalah yang anda sedang kaji.</p> <p>c. Berdasarkan jadual pelaksanaan aktiviti di dalam proposal.</p>
11.	Hasil Dapatan Kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian</li> <li>• Pemerhatian</li> </ul>	Analisis menggunakan kekerapan dan peratus samaada dalam bentuk esei ,jadual atau graf.
12.	Refleksi	<p>a. Huraikan keberkesanan tindakan anda dengan menggunakan data/maklumat yang telah anda kumpulkan.</p> <p>b. Terangkan perubahan tingkah laku pelajar melalui pemerhatian</p> <p>c. Terangkan perubahan emosi pelajar yang telah dikumpul melalui temubual dan soal selidik</p> <p>d. Refleksi kajian terhadap guru. Huraikan perasaan guru keberkesanan kajian yang telah dijalankan</p>
13.	Cadangan	Menyatakan cadangan berkaitan kaedah / modul / bahan yang telah digunakan.
14.	Penutup	Menyatakan harapan dan kesimpulan bagi kajian yang telah dilaksanakan.
15.	Rujukan	Senaraikan buku / bahan ilmiah yang digunakan untuk menjalankan kajian.
16.	Lampiran	Lampirkan semua Data mentah, foto, jadual,video, kertas ujian pra dan pos dan gambar kajian.

### 14.3 FORMAT PENULISAN PROPOSAL KAJIAN TINDAKAN

(Pengurusan dan Pentadbiran )

( *Bertaip, Times New Romans /Arial, Font 12,1.5 spacing, tidak perlu binding* )

# sekurang-kurang 2 helai sahaja.

BIL	BAHAGIAN	PROSES / PENJELASAN
1	Tajuk Kajian	a. Tajuk ditentukan dengan mengenla pasti isu / masalah / kemahiran yang ingin dikaji. b. Tajuk hendaklah ringkas, mengandungi hala tuju, tindakan dan sasaran kajian.
2	Nama penyelidik	Catatkan nama penuh penyelidik / ahli kumpulan
3	Nama Sekolah	Catatkan nama unit / sektor / bahagian berserta alamat
4	Refleksi	Secara ringkas menghuraikan : a. Masalah/isu keprihatinan dikenalpasti dengan melihat perkara utama iaitu; • Guru / kakitangan • Murid ( jika berkaitan ) • Isi kandungan pelajaran / aspek pekerjaan / sistem • Persekitaran b. Refleks pengalaman lepas c. Kaitkan pengalaman lepas dengan perkara utama tersebut supaya masalah menjadi lebih jelas. d. Rujuk bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidik mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan / berlaku. e. Terjemahkan refleksi secara bertulis.
5	Isu Keprihatinan/ Fokus Kajian	a. Rumuskan masalah yang dikenalpasti daripada refleksi yang lalu b. Nyatakan cadangan bagi mengatasi isu/ masalah yang dikaji
6	Tentukan Objektif Kajian	a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus. b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah. c. Objektif hendaklah berkaitan dengan tindakan/aktiviti. d. Objektif hendaklah boleh diukur. e. Semua objektif khas hendaklah diukur/ nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.
7	Kumpulan Sasaran	Sebutkan bilangan dan kumpulan sasar yang terlibat dalam kajian
8	Tindakan yang dicadangkan	Nyatakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.
9	Jadual Pelaksanaan Kajian	a. Boleh dibuat dalam bentuk jadual/ carta Gantt. b. Masukkan aktiviti yang dirancang bagi menjalankan kajian. c. Masukkan tarikh tentatif kajian akan dijalankan. Tarikh mungkin berubah mengikut keperluan/ keadaan semasa
10	Kos kajian	kos yang diperlukan dan digunakan untuk tujuan kajian
11	Pengesahan	a. Disediakan oleh ( penyelidik) b. Disemak oleh c. Disahkan oleh

#### 14.4 FORMAT PENULISAN LAPORAN YANG STANDARD

(Pengurusan & Pentadbiran )

( *Bertaip, Times New Romans /Arial, Font 12,1.5 spacing, perlu binding )*

BIL	BAHAGIAN	CATATAN
1.	Tajuk Kajian	Mengandungi : 1. Kaedah / modul / bahan 2. Kemahiran 3. Kumpulan Sasaran 4. Lokasi
2.	Halaman Kandungan	Nyatakan : 1. Bilangan 2. Perkara 3. Muka Surat
3.	Penghargaan	Nyatakan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam kajian yang dijalankan.
4.	Abstrak	Tulis Masalah, Objektif, Sasaran, Kaedah, Hasil Kajian secara ringkas : tidak lebih satu muka surat, Font 12, Times New Roman/Arial, 1.5 spacing, penulisan dalam satu perenggan.
5.	Latar Belakang kajian / Refleksi yang lalu	Memperincikan : 1. Pengenalan Masalah / isu keprihatinan dikenalpasti dengan melihat perkara utama iaitu; • Guru / kakitangan • Murid ( jika berkaitan ) • Isi kandungan pelajaran / aspek kerja / sistem • Persekitaran 2. Refleksi pengalaman lepas 3. Kaitkan pengalaman lepas dengan perkara utama tersebut supaya masalah menjadi lebih jelas. 4. Rujuk bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidik mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan/ berlaku. 5. Tujuan Kajian 6. Terjemahkan refleksi secara bertulis.
6.	Isu Keprihatinan/Fokus Kajian	Memperincikan : a. Rumuskan masalah yang

		dikenalpasti daripada refleksi yang lalu b. Nyatakan cadangan bagi mengatasi isu/ masalah yang dikaji
7.	Objektif Kajian	a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus. b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah. c. Objektif hendaklah berkaitan dengan tindakan/aktiviti. d. Objektif hendaklah boleh diukur. e. Semua objektif khas hendaklah diukur/ nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.
8.	Kumpulan Sasaran	Jelaskan bilangan dan kumpulan sasar yang akan dikaji
9.	Pelaksanaan KajianTinjauan masalah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian &amp; Analisis</li> <li>• Temubual &amp; Analisis</li> <li>• Soalselidik &amp; Analisis</li> <li>• Ujian Pra &amp; Analisis</li> </ul>	Analisis menggunakan kekerapan dan peratus samaada dalam bentuk esei ,jadual atau graf.
		} Sekurang-kurangnya 1
10.	5.1 Kaedah / Modul / Bahan yang dilaksanakan	a. Jelaskan secara terperinci berkaitan satu kaedah / modul / bahan yang telah dilaksanakan. b. Tuliskan semua aktiviti, bahan-bahan dan cara anda membuat pemerhatian untuk menguji keberkesanan tindakan/aktiviti yang anda telah jalankan ke arah meningkatkan kemahiran/ kualiti pekerjaan / sistem bagi menangani masalah yang anda sedang kaji. c. Berdasarkan jadual pelaksanaan aktiviti di dalam proposal.
11.	Hasil Dapatan Kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian</li> <li>• Pemerhatian</li> </ul>	Analisismenggunakan kekerapan dan peratus samaada dalam bentuk esei, jadual atau graf.
12.	Refleksi	a. Huraikan keberkesanan tindakan anda dengan menggunakan data/maklumat yang telah anda kumpulkan. b. Terangkan perubahan tingkah

		laku kumpulan sasar melalui pemerhatian c. Terangkan perubahan emosi kumpulan sasar yang telah dikumpul melalui temubual dan soal selidik d. Refleksi kajian terhadap pengkaji. Huraikan perasaan pengkaji terhadap keberkesanan kajian yang telah dijalankan
13.	Cadangan	Menyatakan cadangan berkaitan kaedah / modul / bahan yang telah digunakan.
14.	Penutup	Menyatakan harapan dan kesimpulan bagi kajian yang telah dilaksanakan.
15.	Rujukan	Senaraikan buku / bahan ilmiah yang digunakan untuk menjalankan kajian.
16.	Lampiran	Lampirkan semua Data mentah, foto, jadual, video, kertas ujian pra dan pos dan gambar kajian.

## 15. FORMAT PENILAIAN KAJIAN TINDAKAN

### 15.1. WAJARAN MARKAH

15.1.1 LAPORAN PENULISAN KAJIAN : 70 %

Markah penulisan kajian adalah berdasarkan aspek – aspek berikut :

- a. Tajuk
- b. Penghargaan
- c. Abstrak
- d. Pengenalan
- e. Halaman kandungan
- f. Objektif/tujuan/kaedah
- g. Pelaksanaan kajian
- h. Dapatan kajian
- i. Kumpulan Sasaran
- j. Pelaksanaan Kajian
- k. Refleksi
- l. Cadangan
- m. Penutup
- n. Rujukan dan lampiran (bibliografi)

Item adalah meliputi perkara IHES dan QGDP

Markah diperolehi x wajaran (70%)  
 Markah penuh

### 15.1.2 PERSEMBAHAN : 30 %

Markah persembahan adalah merangkumi :

- a. Persembahan meliputi gaya, intonasi dan bahasa (20 markah )
- b. Hasil kajian meliputi hasil bahan maujud, bukan bahan maujud, idea atau program/sistem yang sesuai, berkesan dan mempunyai kepelbagaian (50 markah).
- c. Penyampaian meliputi Kecindahan, ilmiah, menarik dan realistik (30 Markah)
- d. Pengiraan markah adalah berdasarkan jumlah diperolehi dibahagikan jumlah penuh dan didarabkan dengan wajaran 30%.
- e. Item meliputi perkara *Integrated Holistic Education System (IHES)*, *Quranic Generation Development Programme( QGDP)* dan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan dasar pendidikan Islam JAIS.
- f. Persembahan mengutamakan **tajuk, Latar belakang, Isu/Fokus kajian, Objektif kajian, Pelaksanaan kajian, Refleksi dan cadangan.**

15.1.3 Laporan penulisan kajian hendaklah **dihantar awal** mengikut tarikh yang ditetapkan bagi penilaian pemarkahan untuk laporan penulisan kajian.

15.1.4 Laporan penulisan Kajian Tindakan dinilai semasa sesi bengkel khas yang ditetapkan oleh sekretariat dan penilaian persembahan dibuat semasa sesi seminar yang diadakan.

## 15.2 PANEL PENILAI KAJIAN TINDAKAN

15.2.1 Fungsi panel adalah untuk membuat penilaian ke atas laporan Kajian Tindakan (70%) dan persembahan (30%) ketika sesi pembentangan di peringkat daerah dan Negeri berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh jawatankuasa panel penilai.

15.2.2 Panel di **peringkat sekolah** terdiri daripada :

- i. Fasilitator daerah atau dari daerah berlainan **ATAU**;
- ii. Pembantu penyelidik daerah atau dari daerah berlainan **ATAU**;
- iii. Pegawai UPI atau BPI **DAN**;
- iv. Guru-guru JAIS yang pernah membentang kajian di peringkat negeri

15.2.3 Panel di **peringkat daerah** terdiri daripada :

- i. Fasilitator (dari daerah yang berlainan)
- ii. Pembantu Penyelidik (RA) – dari daerah yang berlainan
- iii. Pegawai UPI dari daerah yang berlainan
- iv. Pegawai di BPI
- v. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
- vi. Jurulatih Utama /Pengkaji Kajian Tindakan di Sekolah Kebangsaan.

15.2.4 Panel Penilai Kajian Tindakan di **peringkat negeri** terdiri daripada :

- i. Pensyarah IPTA/IPTS.
- ii. Pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri yang terbabit dalam penyelidikan Kajian Tindakan.

15.2.5 **Jumlah panel** penilai adalah dua orang (minima) atau tiga orang (maksima)

### 15.3 JAWATANKUASA PANEL PENILAI.

15.3.1 Jawatankuasa ini berfungsi menyemak dasar penilaian dan menyelaras penilaian yang dilaksanakan dalam program Kajian Tindakan.

15.3.2 Ahli –ahlinya terdiri :

- i. Pegawai Bahagian Pendidikan Islam
- ii. Pegawai ILDAS
- iii. Wakil Fasilitator
- iv. Wakil Pembantu Penyelidik
- v. Wakil PPTAD (PI)
- vi. Wakil Jemputan dari IPTA/IPTS

### 15.4 BORANG PENILAIAN KAJIAN TINDAKAN

15.4.1 Borang penilaian laporan Kajian Tindakan adalah berdasarkan borang penilaian BOR/BPI/KT-01 yang diguna pakai semasa sesi penilaian.

15.4.2 Borang penilaian laporan Kajian Tindakan dimasukkan komponen/ciri IHES/QGDP

15.4.3 Item-item penilaian tidak semestinya terkandung di dalam format penulisan .

Nota : item penilaian adalah aspek-aspek pengujian yang menilai pelaksanaan kajian dan kemungkinan item item ini tidak menjadi panduan penulisan laporan kajian.

15.4.4 Borang penilaian persembahan Kajian Tindakan adalah berdasarkan format



**BORANG PENILAIAN LAPORAN KAJIAN TINDAKAN**

No. Giliran : \_\_\_\_\_  
 Sekolah : \_\_\_\_\_  
 Tajuk Kajian : \_\_\_\_\_

BIL	ASPEK	KRITERIA	Markah Penuh	Markah diperolehi
1.	Tajuk kajian	Menyatakan Kaedah/Modul/Bahan	1	20
		Menyatakan Kemahiran, kumpulan sasaran, lokasi kajian	3	
2.	Halaman Kandungan	Menyatakan bilangan, perkara dan muka surat	3	
	Penghargaan	Menyatakan ucapan penghargaan kepada pihak terlibat	2	
3.	Abstrak	Mengikut format tulisan dan perenggan	1	
		Menyatakan masalah, objektif, sasaran, kaedah dan hasil kajian	10	
4.	Latar Belakang Kajian/ Refleksi yang lalu	Ada pengenalan	2	
		Melihat perkara utama seperti Guru, Murid, Isi kandungan pelajaran dan persekitaran	2	
		Refleksi mempunyai perkaitan dengan perkara utama	2	
		Menyatakan rujukan	2	
		Menyatakan tujuan kajian	2	
5.	Isu Keperihatinan/Fokus Kajian	Merumuskan masalah yang dikenalpasti	2	
		Menyatakan cadangan mengatasi isu	2	
6.	Objektif kajian	Ada objektif umum dan khusus dan relevan	2	
		Ada persoalan kajian /Objektif boleh diukur	2	
7.	Kumpulan sasaran	Menyatakan pihak dan lokasi terlibat	2	
8.	Pelaksanaan kajian	Ada tinjauan Masalah	3	
		Disokong oleh graf, rajah	3	
		Ada penjelasan terperinci bahan/modul	3	
		Selari dengan jadual tindakan kajian	3	
		Dapatan kajian selari dengan statistik	3	
9.	Refleksi	Keberkesanan tindakan	5	
		Menerangkan perubahan tingkah laku .. dan emosi	5	
		Refleksi guru bersifat personal dan dalaman	10	
10.	Cadangan	Menyatakan cadangan penambahbaikan	5	
		Cadangan untuk diri sendiri/pengkaji	5	
11.	Penutup	Penyataan harapan dan kesimpulan	3	
12.	Rujukan	Jumlah rujukan sekurang-kurangnya tiga naskah buku	4	
13.	Lampiran	Lampiran selari dengan laporan kajian	8	
Jumlah			100	

Ulasan Penilai : .....

Tanda tangan : .....

Nama Penilai :

Tarikh :

Penilaian tertakluk pada pindaan. Keputusan adalah MUKTAMAD

BOR/BPI/KT-02

**BORANG PENILAIAN PERSEMBAHAN KAJIAN TINDAKAN**

No. Giliran : \_\_\_\_\_  
 Sekolah : \_\_\_\_\_  
 Tajuk Kajian : \_\_\_\_\_

BIL	ASPEK	KRITERIA	PERINCIAN	MARKAH DIPEROLEHI
1	PERSEMBAHAN (20 markah)	INTONASI	Alunan suara sesuai dengan frasa ayat	3
			Sesuai dengan apresiasi wajah dan bahasa badan	3
		GAYA	Gaya berdasarkan suasana	4
			Tidak statik	3
		BAHASA	Aras bahasa yang mudah difahami	2
			Ada unsur IHES dalam bahasa (BI,BA dll)	3
Laras bahasa yang sesuai	2			
2	HASIL KAJIAN (45 markah)	SESUAI	Sesuai dengan aras murid	2
			Boleh dikomersialkan /diedarkan	2
			Mengandungi komponen IHES	5
		KREATIF	Menarik	2
			Menerapkan unsur-unsur KBKK	3
			Hasil menyokong penyertaan murid dalam sesi	3
		INOVASI	Menjimatkan kos	2
			Menjimatkan masa	2
			Memudahkan PdP	3
			Berkualiti dan Autantik (asli dan berkaitan PdP)	3
		KEPELBAGAIAN	Fleksibel	2
			Mudah dibawa dan diurus	2
			Merentas IHES	3
			Mudah diguna oleh kumpulan sasaran	3
		BERKESAN	Mencapai objektif PdP	2
			Mencapai objektif kajian	2
Merentasi Kurikulum atau amalan sistem	2			
Mudah akses dan aplikasi	2			
3	PENYAMPAIAN (35 markah)	KECINDANAN	Penyampaian melalui rajah/carta	5
			Disokong oleh audio visual yang bertepatan	5
			Jawapan persoalan kepada audien menarik	5
		ILMIAH	Bersifat statistik	5
			Ketepatan lisan dengan laporan	5
			Penyertaan audien dalam sesi soal jawab	5
			Pembentangan – tajuk,latar belakang isu/fokus, objektif, pelaksanaan kajian, refleksi dan cadangan	5
Jumlah				

Ulasan Penilai :

.....  
 .....

Tanda tangan : \_\_\_\_\_  
 Nama Penilai : \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_

## 16 INSENTIF PENGKAJI

### 16.1 INSENTIF KEPADA PENGKAJI DAERAH DAN NEGERI

#### 16.1.1 Objektif:

- Sebagai motivasi kepada peserta semasa dan peserta masa hadapan.
- Bentuk insentif boleh menjadi kenangan pada diri peserta jangka panjang (instrumental value)

#### 16.1.2 Bentuk insentif (cth: sijil penghargaan, mug, tuala dan lain-lain) yang difikirkan sesuai.

- Memberi penghargaan kepada pembentang sebagai penceramah BBSP DI PSPJ @ ILDAS

### 16.2 SUMBER KOS

Pihak Jabatan tidak menyediakan kos Pelaksanaan Kajian Tindakan. Sumbangan boleh didapati daripada Pusat Kegiatan Guru, Badan kebajikan Guru SRA / SRAI / KAFAI / PAID / MGB / PUSAT ZAKAT / Badan Berkanun / YB / Bank-bank dan lain-lain adalah atas inisiatif masing-masing.

### 16.3 MENDOKUMENTASIKAN HASIL KAJIAN TINDAKAN .

Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Islam JAIS bertanggungjawab mendokumentasikan hasil kajian dengan cara dibukukan atau dimasukkan ke dalam CD bertujuan untuk menjadi panduan atau rujukan guru-guru atau pengkaji dan diedarkan kepada yang berminat.

## 17 SENARAI SEMAK PELAKSANAAN KAJIAN TINDAKAN PERINGKAT DAERAH

BIL.	PERKARA	BULAN	SUDAH	BELUM
1.	Perancangan program Kajian Tindakan daerah			

2.	Notis mesyuarat jawatankuasa penyelarasa daerah			
3.	Mesyuarat jawatankuasa penyelarasa daerah			
4.	Edaran minit mesyuarat / senarai tindakan mesyuarat (dalam tempoh 2 minggu selepas mesyuarat)			
5.	<b>Semakan pertama</b> - semua sekolah (Prasekolah/KAFA/SRA/SRAI/MITS) di bawah kawalan daerah – Sekolah mewujudkan Jawatankuasa / Kumpulan Kajian Tindakan			
6.	Penghantaran tajuk kajian dari sekolah ke UPI daerah			
7.	Jawatankuasa Penyelarasa daerah mengenalpasti Pembantu Penyelidik daerah			
8.	Jawatankuasa Penyelarasa daerah membuat jadual pergerakan Pembantu Penyelidik daerah			
9.	Pemilihan tajuk kajian (dibuat melalui mesyuarat/bengkel di peringkat daerah)			
10.	Pemantauan semua sekolah melaksanakan kajian tindakan (satu sekolah satu kajian)			
11.	Bimbingan khas ' <i>on job training</i> ' di sekolah – untuk pasukan sekolah			
12.	Bimbingan berkelompok kepada fasilitator sekolah (Guru Besar/pengetua)			
13.	<b>Semakan ke-2</b> – GPK 1 telah melaksanakan pra pembentangan kajian (contohnya : analisis ujian pra) berdasarkan takwim semasa.			
14.	<b>Semakan ke-3</b> – Jawatankuasa penyelarasa daerah memantau pergerakan Pembantu Penyelidik daerah melalui surat-surat arahan pergerakan. Jika ada permohonan sekolah kepada Pembantu Penyelidik daerah, permohonan hendaklah melalui UPI daerah.			
15.	Hantar laporan pelaksanaan program ke Bahagian Pendidikan Islam berdasarkan takwim semasa. (guna borang yang disediakan)			
16.	Pihak daerah melaksanakan pemilihan tiga laporan kajian tindakan terbaik peringkat daerah ( di laksanakan melalui mesyuarat, pembentangan daerah, seminar atau mekanisme yang ditetapkan oleh pihak daerah)			
17.	Pihak daerah menghantar set laporan bertulis kajian tindakan ke BPI.JAIS (berdasarkan taqwim semasa) – laporan akan dihantar ke ILDAIS untuk tujuan penilaian oleh panel yang dilantik oleh ILDAIS.			

Disediakan oleh

( )

Penyelia Pengurusan Pendidikan.

\*Tertakhluk kepada pelan tindakan daerah

## 18. JUSTIFIKASI

Kajian Tindakan adalah suatu proses mencerna idea kajian yang umum dan luas kepada set-set tindakan yang mampu diuruskan untuk menjadikan ianya lebih menarik serta mempunyai impak terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dan pelaksanaan pengurusan pendidikan.

Dalam proses melaksanakan kajian, wajar dipertimbangkan apa yang perlu atau boleh kita lakukan dengan munasabah bagi memperbaiki atau meningkatkan kualiti melalui perubahan amalan-amalan sedia ada. Adalah menjadi harapan sesuatu perubahan positif amat diharapkan demi memperkasakan pendidikan.

Oleh itu budaya penyelidikan Kajian Tindakan dalam kalangan guru-guru memerlukan komitmen yang tinggi dan menyeluruh daripada semua pihak agar impak Kajian Tindakan dapat merealisasikan falsafah dan objektif pendidikan dalam “ Menjana Generasi Al-Quran Melalui Sistem Pendidikan JAIS” .

Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menyediakan **Garis Panduan Kajian Tindakan**. Semoga usaha membimbing guru-guru melaksanakan Kajian Tindakan secara sistematik, terancang dan mengikut prosedur menjadi lebih mudah dan mesra.

### ***Bibliografi***

1. Abdul Rahman Abdul Majid Khan – Guru sebagai Penyelidik.  
PTS PROFESIONAL Publishing Sdn Bhd 2008.
2. Azizi Yahya. Shahrin Hashim. Jamaludin Ramli. Yusof Boon. Abdul Rahim Hamdan – Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan  
PTS PROFESIONAL Publishing Sdn Bhd 2007.
3. Jurulatih Utama kajian Tindakan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor – MODUL KOMPAK.
4. Othman Lebar – Kajian Tindakan Dalam Pendidikan  
Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 2011
5. Seksyen Kualiti dan Penyelidikan JAIS – Pelaksanaan Program Kajian Tindakan Sekolah-sekolah Agama Negeri Selangor. Unit Latihan, Kualiti dan Penyelidikan BPI, JAIS. Tahun 2009.

***Panel Penulis***

## Penasihat :

Tn. Hj. Mohamad Amir Bin Hj. Danuri S.I.S., A. M. N., P.P.T.  
 Ketua Penolong Pengarah  
 Pendidikan Islam

## Pengerusi :

Pn. Hjh. Jamaliah Binti Jauhari P.P.T  
 Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan  
 Bahagian Pendidikan Islam

## Ketua Panel :

En Muhamad Asmadi bin Mustakim  
 Penolong Pengarah Kanan, Unit Latihan dan Penyelidikan  
 Bahagian Pendidikan Islam

## Penyelaras :

Pn Hjh. Manah Binti Md Siraj P.P.T.  
 Ketua Pusat Pengurusan Sekolah  
 Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS)

Pn Hjh Sumilah bt Diran  
 Penyelia Kanan Unit Latihan dan Penyelidikan  
 Bahagian Pendidikan Islam

## Ahli Jawatankuasa :

En. Mohd Don Bin Raban	Pn Hjh Rosni bt Ahmed
En. Misri bin Kabut	Pn. Azlinah Binti Paiman
En. Azman Bin Mohd Lana	Pn. Hjh. Arjunah Binti Ismail
En. Hainurin Bin Samsusah	Pn. Hjh. Umi Kalthom Binti Idris
Pn Mazanah bt Jemali	Pn. Hjh. Habibah Binti Mohamed Daud
En. Hamzah Bin Utot	Pn. Jariah Binti Surat @ Hj. Mohd Sirat
Tn. Hj. Sumari Bin Wardi	Pn. Hjh. Zuliah Binti Abd. Kadir
Tn. Hj. Misron Bin Mahmud	Pn. Noorkhasni Binti Mat Buang
En. Zulkifli Bin Mohamad	Pn. Siti Masrah Binti Sanusi
En. Mohammad Fazli bin Mohd Royani	Pn. Suzana Binti M. Sharip
En. Abdul Rashid Bin Mat Sani	Pn. Hjh. Murni Binti Mohd
En. Mohamad Azahari Bin Sulaiman	Pn. Hanidah Binti Bahrudin
En. Mohd Hafiz Bin Mordi @ Mohd Adnan	Pn Suriahty bt Harun
Pn Hjh Sumilah bt Diran	En. Noorwirdansyah Bin Bahari
Pn Nilawati bt Hanadi	Cik. NorAfzan Binti Md. Saad.